

## Pembentukan Etos Nasional Belia Malaysia: Wadah Pembinaan Negara-Bangsa

*National Ethos Formation of Malaysian Youth: Medium for Building a Nation State*

MOHD MAHADEE ISMAIL, NOR AZLILI HASSAN, AZLINA ABDULLAH, ZAINI OTHMAN, MARZUDI MD YUNUS  
& HAIROL ANUAR MAK DIN

### ABSTRAK

*Persoalan etos nasional sebagai suatu wadah dalam pembinaan negara-bangsa kurang dibahaskan dalam kalangan sarjana. Dari itu, makalah ini akan mengupas perspektif pembinaan negara-bangsa dari sudut etos nasional sebagai suatu dimensi yang perlu diteliti dalam mencorak pembentukan sesebuah bangsa. Etos nasional merujuk kepada watak, karakter, sikap, etika, keperibadian dan keyakinan atas sesuatu perkara yang dapat menggambarkan ciri-ciri semangat yang dikongsi bersama oleh ahli-ahli masyarakat. Dengan wujudnya etos nasional dalam diri individu, maka ia dapat menggambarkan tentang sentimen kenegaraan yang berpaksikan kepada platform nasional. Sehubungan itu, secara spesifiknya makalah ini mengaplikasikan takrif etos nasional sebagai ciri-ciri unik masyarakat setempat yang mengikat seseorang individu dengan individu yang lain, dan yang mengikat individu dengan negara. Ciri-ciri unik tersebut merangkumi empat dimensi utama iaitu nilai, perasaan dan semangat, kepercayaan dan identiti. Ciri-ciri unik etos nasional tersebut menjadi wadah utama dalam proses pembinaan negara-bangsa Malaysia yang terdiri dari pelbagai etnik. Golongan yang seringkali mendapat tumpuan apabila membahaskan tentang proses pembinaan negara-bangsa ialah golongan belia. Ini kerana mereka adalah tulang belakang dan tunjang bangsa pada masa hadapan. Kejayaan membangunkan golongan belia menjadi penanda aras utama kejayaan pembangunan negara-bangsa pada hari muka. Kajian ini mendapati empat dimensi utama iaitu nilai, perasaan dan semangat, kepercayaan serta identiti telah membentuk suatu ikatan yang kuat antara individu dengan individu yang lain, dan di antara individu dengan negara khususnya dalam kalangan belia yang dikaji. Oleh yang demikian, dalam merealisasikan pembinaan negara-bangsa Malaysia, etos nasional menjadi wadah yang perlu dipupuk dalam diri setiap individu khususnya golongan belia yang masih tercari-cari jati diri mereka.*

Kata kunci: Negara-bangsa; etos nasional; kenegaraan; multietnik; belia Malaysia

### ABSTRACT

*The issue of national ethos as a medium for building a nation state is less debated among the scholars. Hence, this article will examine the perspective of building a nation-state from the national ethos point of view as a dimension that needs to be carefully studied in shaping the formation of a nation. National ethos refers to the character, attitude, ethics, personality and confidence in the matters that can describe the characteristics of the spirit which shared by members of society. With the existence of a national ethos in the individuals, it can reflect the sentiments of nationhood that centered on the national platform. Accordingly, this paper is specifically applies the definition of national ethos as a unique characteristics of the local community that binds one individual with another individual, and that binds the individuals to the state. These unique characteristics encompass four main dimensions namely values, feelings and spirits, beliefs and identities. The unique characteristics of the national ethos become the main medium in the building process of a multi-ethnic Malaysian nation. The community who often get the attention when debating on the process of nation-building are the youth groups. This is because they are the backbone of the nation in the future. The successful of developing the youth groups is the main benchmark for the success of a nation-state development in the future. This study found that the four main dimensions, namely values, feelings and spirits, beliefs and identities have formed a strong bond between individuals and other individuals, and between individuals and the country, especially among the youths being studied. Therefore, in realizing the building of the Malaysian nation-state, the national ethos has become a medium that needs to be nurtured in every individuals, especially the youth groups who are still searching for their identity.*

Keywords: Nation-state; national ethos; nationhood; multiethnic; Malaysian youth

## PENGENALAN

Makalah ini memberikan tumpuan khusus terhadap proses pembinaan etos nasional dalam kalangan belia di Malaysia. Ini kerana golongan belia adalah pencorak masa depan negara, menjadi tulang belakang dan tunjang pembinaan negara-bangsa Malaysia. Kejayaan membangunkan golongan belia menjadi penanda aras utama kejayaan pembangunan negara, dan sebaliknya kegagalan membangunkan golongan tersebut, masa depan negara mungkin tergugat. Dari itu tidak hairanlah mengapa tumpuan khusus bagi sebarang bentuk aktiviti dan program pembangunan belia adalah berkisar dalam kalangan kumpulan belia yang berumur di antara 18 hingga 25 tahun, khususnya dalam kepelbagaian masyarakat Malaysia. Pada peringkat umur tersebut, manusia mengalami perkembangan psikososial yang sangat kompleks, mempunyai kecenderungan yang tinggi terhadap sesuatu perkara baru, suka meneroka alam kehidupan dan mempunyai keinginan untuk menguji batasan peraturan masyarakat mahupun suka mencuba sesuatu benda yang baru. Individu pada tahap tersebut juga boleh dikatakan sudah mencapai tahap kemajuan diri dan sudah mampu untuk menilai sesuatu perkara yang baik mahupun yang buruk. Mereka juga dikatakan berada dalam keadaan dilema kerana masih tercaricari jati diri mereka. Maka dengan itu, penekanan kepada pembentukan etos nasional dilihat mampu menjadi suatu wadah penting khususnya dalam merealisasikan pembinaan negara-bangsa Malaysia di hari muka. Elemen-elemen yang membentuk etos itu cukup signifikan dalam pembentukan jati diri individu yang melibatkan watak, karakter, sikap, etika, keperibadian dan keyakinan atas sesuatu perkara yang dapat menggambarkan ciri-ciri semangat sesebuah masyarakat dalam sesebuah negara. Seandainya satu perasaan dan semangat dapat dipupuk dalam masyarakat, maka impian pembentukan negara-bangsa lebih mudah untuk menjadi kenyataan.

## PEMBINAAN NEGARA-BANGSA

Negara-bangsa adalah suatu istilah keramat yang cukup popular bagi sesebuah negara yang mempunyai masyarakat bersifat multietnik. Asasnya, istilah negara-bangsa merupakan gabungan dua komponen utama iaitu negara dan bangsa. Beberapa elemen utama dalam pembinaan negara-bangsa melibatkan hal-ehwal tanah, wilayah, perlembagaan, kedaulatan,

kerakyatan dan kesetiaan. Usaha pembinaan negara-bangsa sebenarnya digunakan sebagai satu tindakan mengurus solidariti. Secara lebih khusus, proses pembinaan negara-bangsa memberikan penekanan utama kepada pemupukan semangat kebangsaan serta identiti dikongsi bersama dalam diri setiap warganegara. Di samping itu, usaha-usaha pembinaan negara-bangsa tidak boleh terlepas dari tindakan mewujudkan integrasi antara kumpulan etnik yang berbeza.

Usaha ke arah pembinaan bangsa akan membawa kepada pembentukan negara-bangsa (Linz 1993) yang menggabungkan organisasi politik dan cita-cita politik (Heywood 2000). Pembinaan negara-bangsa akan menggalakkan keseragaman dalam masyarakat, mewujudkan identiti kebangsaan dan meningkatkan kesetiaan rakyat kepada negara (Penrose, 2009) melalui model integrasi yang bersepadu. Penrose (2009: 223) telah mendefinisikan negara-bangsa sebagai "...a geopolitical entity whose legitimacy – claims to sovereignty and political power – is based on its capacity to represent a distinctive nation...". Selain itu, Abdul Rashid dan Syed Serajul (2006: 67) mentafsirkan negara-bangsa sebagai sebuah institusi politik yang merujuk kepada sebuah negara yang dihuni oleh sekumpulan manusia yang memperkenalkan diri mereka sebagai sebuah bangsa atas landasan perkongsian budaya, sejarah, bahasa, etnisiti dan faktor-faktor lain. Struktur sistem negara-bangsa memerlukan promosi kepentingan sendiri sahaja tanpa melibatkan kepentingan pihak lain (Abdul Rashid & Syed Serajul 2006). Bagi aliran yang berfahaman liberal dan sosialis, negara-bangsa ialah satu usaha untuk membentuk kesetiaan dan ketaatan sivik yang sempurna, manakala bagi fahaman konservatif dan nasionalis, ia adalah berdasarkan kepada etnik atau perpaduan organik (Heywood 2000).

Asas pembentukan negara-bangsa ialah sebagai langkah pencegahan konflik dalam sesebuah masyarakat dan mengekalkan kestabilan politik dengan cara mengurus dan menyusun kebezaan sosial khususnya dalam masyarakat berbilang etnik. Sepertimana yang ditekankan oleh Shamsul (2011), perlunya tindakan mengurus dan menyusun kebezaan sosial ini adalah kerana pentingnya mewujudkan suasana aman dan harmoni dalam sesebuah masyarakat yang rencam keanggotaan kelompok sosialnya agar masyarakat dapat menikmati kesejahteraan hidup yang holistik. Oleh itu, proses pembinaan negara-bangsa cukup penting dalam usaha untuk mencapai perpaduan

yang menyeluruh dan masyarakat yang terintegrasi. Menurut David Miller (2003: 119):

*Nation-states, then, have allowed people to work together politically on a large scale, achieving democracy and pursuing social justice with at least partial success, through the creation of common political identities that can bind people together despite their conflicting beliefs and interests, and their geographical dispersal.*

Kekuatan atau kelebihan negara-bangsa ialah kerana ia menawarkan satu prospek kesepadan budaya dan perpaduan politik (Heywood 2000). Namun begitu, pada hakikatnya, usaha pembentukan sebuah negara-bangsa merupakan usaha yang tidak mudah, cukup mencabar dan amat sukar untuk direalisasikan. Ia memerlukan usaha yang berterusan dan menuntut komitmen yang tinggi dari seluruh warganya. Kesukaran membentuk sebuah negara-bangsa dari segi legitimasi adalah kerana rakyat memberikan kesetiaan kepada kumpulan etnik mereka sendiri dan bukannya kepada negara (Abdul Rashid & Syed Serajul 2006). Pada masa yang sama, negara atau kerajaan juga tidak mampu untuk menjadikan warganya dan rakyatnya untuk mematuhi undang-undang negara secara menyeluruh dan membayar cukai yang sepatutnya (Abdul Rashid & Syed Serajul 2006). Oleh sebab itu, pemimpin negara cuba untuk memupuk satu perasaan kenegaraan dalam kalangan rakyatnya. Dengan kata lain, pemimpin negara cuba untuk menghubungkan dan mengaitkan konsep negara dan bangsa secara bersama (Abdul Rashid & Syed Serajul 2006). Mereka cuba untuk mempromosikan perasaan kekitaan bersama (*feeling of common nationhood*) dalam kalangan warganya untuk melihat negara ditransformasikan kepada sebuah negara-bangsa (Abdul Rashid & Syed Serajul 2006). Oleh sebab itu Heywood (2000) menegaskan, secara praktiknya, negara-bangsa adalah satu konsep yang ideal tetapi tidak pernah wujud dalam keadaan yang sempurna di mana-mana negara di dunia ini. Lantaran dari itu, muncul pelbagai konsep seperti '*imagined community*' (Anderson 1983) dan '*nation-of-intent*' (bangsa idaman) (Rothberg 1966; Rustam 1976; Shamsul 1996) dalam membahaskan bentuk sesebuah negara-bangsa dan perbahasan itu belum menemui noktahnya.

Dalam konteks masyarakat multietnik Malaysia, pembentukan sebuah negara-bangsa cukup penting bagi memupuk perpaduan dan integrasi nasional serta untuk mengurangkan sebarang bentuk masalah yang berkaitan dengan hubungan antara etnik. Masyarakat Malaysia dikatakan tidak pernah mencapai tahap apa

yang disebutkan sebagai sebuah bangsa yang bersatu padu tetapi dalam perjalanan menuju ke destinasi tersebut. Hal ini kerana wujudnya kepelbagaian dan perbezaan dalam konteks bangsa, agama, bahasa, budaya, geografi and ekonomi. Kepelbagaian yang wujud secara alamiah ini juga mempunyai perkaitan yang rapat dengan pembentukan identiti yang berasaskan kepada himpunan sempadan abstrak dan nyata yang telah direka cipta antara sesama manusia (Shamsul 2011). Kepelbagaian tersebut juga amat sukar untuk disatukan menjadi satu entiti politik yang kuat atau sebuah negara-bangsa Malaysia yang bersatu padu (Shamsul 2011). Tidak hairanlah kenapa kestabilan politik melalui kerjasama antara etnik amat ditekankan dalam kalangan pemimpin pelbagai kumpulan etnik (Vejai 1997). Dengan kerencaman yang terdapat dalam masyarakat, di samping pandangan (persepsi), sikap, tingkah laku, pengetahuan dan kefahaman yang berbeza, maka ia mudah untuk membawa kepada konflik dalam masyarakat antara kumpulan etnik yang berbeza, khususnya antara kumpulan majoriti dengan minoriti.

Sesetengah sarjana melihat konflik etnik yang berlaku dalam sesebuah negara adalah kerana '*culturalistic interpretation*' atau '*clash of civilization*' (Hippler 2005). Sekiranya konflik yang berlaku dalam masyarakat berterusan dalam jangka masa yang panjang, maka suasana ini akan memberikan impak buruk pada pembangunan ekonomi, kesejahteraan sosial dan kestabilan politik sesebuah negara, yang akhirnya akan membawa bencana kepada kehidupan manusia (Hippler 2005). Justeru itu, lahirlah konsep pembinaan negara-bangsa yang bertujuan untuk mencegah dan menguruskan konflik, menjana pembangunan dan mencapai kestabilan negara (Hippler 2005). Akan tetapi, konflik dalam masyarakat sememangnya tidak dapat dielakkan, cuma melalui pendekatan negara-bangsa, konflik yang wujud tersebut boleh dicegah daripada terus merebak menjadi parah dan boleh mengakibatkan pertumpahan darah.

Proses pembinaan negara-bangsa di Malaysia cukup penting dalam mengurus kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat. Kepelbagaian yang wujud dalam masyarakat Malaysia ini bukanlah suatu fenomena yang baru. Dari segi sejarahnya, Tanah Melayu pada peringkat awal dihuni oleh rumpun Melayu yang terdiri daripada pelbagai suku seperti Melayu Jambi, Riau, Aceh, Minangkabau, Bugis, Jawad dan pelbagai lagi (Mansor 2012). Pada zaman tamadun Melaka, penduduknya juga

berasaskan kepelbagaian dan suku etnik setempat dengan kehadiran pedagang dari seluruh pelusuk dunia terutamanya dari China, India, Arah dan Eropah (Mansor 2012). Masyarakatnya hidup dalam komuniti tersendiri, namun wujud perkahwinan campur antara masyarakat pedagang dan perantau dengan wanita tempatan yang melahirkan peranakan India Muslim, Baba dan Nyonya, Serani dan Chettiar (Mansor 2012). Selepas tahun 1870, berlaku episod penjajahan yang turut membawa implikasi terhadap masyarakat setempat dari kepelbagaian kepada kemajmukan (Mansor 2012). Hal ini berlaku melalui penjajahan British di mana wujud beberapa siri penghijrahan dari tanah besar China dan India ke Tanah Melayu yang akhirnya melahirkan masyarakat berteraskan kepada garisan warna kulit (Mansor 2012). Pada ketika itu, Tanah Melayu boleh diklasifikasikan sebagai sebuah negara tamu di mana anak watan diperakui kewujudannya bercirikan kesultanan Melayu, Melayu dan Islam sebagai teras pengikat masyarakat (Mansor 2012). Setiap kumpulan etnik yang wujud di Tanah Melayu ketika itu diberikan hak untuk terus mengekalkan identiti kumpulan etnik masing-masing. Perubahan politik khususnya selepas penolakan *Malayan Union* 1946 telah membawa satu paradigma baru dalam hubungan intra-Melayu dan penipisan batas suku etnik Melayu sehingga membina kumpulan etnik Melayu sepetimana yang dapat dilihat pada masa kini (Mansor 2012).

Selepas Perang Dunia ke-2, kesan keganasan komunis dan penempatan orang Cina di Kampung Baru di bawah Rancangan Briggs telah mewujudkan peristiwa penting yang mempengaruhi hubungan etnik di negara ini (Mansor 2012). Perjalanan sejarah sosial yang panjang ini telah menjadi batu asas dalam pembangunan negara dan pembinaan negara-bangsa berteraskan ketamadunan payung anak watan di mana ciri kerajaan Melayu, kemelayuan dan keislaman telah disulam ke dalam budaya politik masyarakat dan turut menjadi paksi kepada penggubalan perlembagaan negara (Mansor 2012). Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, "... senario negara sebagai sebuah masyarakat pelbagai etnik berpayungkan tamadun anak watan terus dijadikan dasar pemerintahan, pembangunan dan pembinaan negara-bangsa..." (Mansor 2012: 14). Dalam konteks ini, Mansor (2012: 14) menegaskan bahawa:

Dasar pembinaan negara-bangsa berteraskan integrasi terbentuk berikutan penerimaan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang tubuh negeri... Di dalam perlembagaan ini, peruntukan beberapa hak keistimewaan kepada komuniti anak watan

Melayu dan bumiputera diberikan dan pada masa yang sama, hak kumpulan minoriti dilindungi. Dengan termaktubnya kedudukan etnik di dalam perundangan negara, dasar pembinaan negara-bangsa terbentuk berteraskan integrasi, dan identiti setiap etnik akan terus dikekalkan...

Bukti paling nyata identiti setiap kumpulan etnik tidak terhakis dan terus berkembang ialah melalui pengiktirafan dan pelaksanaan sekolah jenis kebangsaan berdasarkan etnik masing-masing. Dalam pada itu, kepentingan setiap etnik dari segi budaya, bahasa, ekonomi dan politik turut mendapat tempat utama dalam pembangunan negara dan urus tadbir pemerintahan negara (Mansor 2012). Apa yang lebih penting, telah wujud integrasi antara kepelbagaian kumpulan etnik di Malaysia melalui pelbagai dimensi kehidupan walaupun dalam keadaan-keadaan tertentu masih terdapat jurang dalam hubungan antara etnik tersebut. Sebagai contoh, bahasa Melayu sebagai bahasa semulajadi dalam komuniti bahasa di rantau Asia Tenggara telah menjadi pemangkin sosial (Collins & Zaharani 1999) sejak dari awal lagi yang mewujudkan medium integrasi antara kumpulan etnik tanpa meminggirkkan penggunaan bahasa ibunda setiap kumpulan etnik.

Negara-bangsa tidak akan terbina tanpa satu etos yang mengikat. Etos yang mengikat semua rakyat dalam sesebuah negara dengan negaranya ialah etos nasional. Lantaran dari itu, pemahaman dan penerimaan terhadap konsep etos nasional itu dilihat sebagai satu elemen yang penting bagi sesebuah negara ke arah pemantapan integrasi nasional dan merealisasikan pembentukan sebuah negara-bangsa yang lebih ideal.

## SOROTAN KONSEP ETOS NASIONAL

Perbahasan tentang konsep etos bukanlah sesuatu yang baharu. Pada peringkat awal, penulisan tentang konsep etos banyak tertumpu dalam kalangan ahli falsafah Greek seperti Plutarch yang menekankan etos sebagai bentuk pembangunan diri seseorang individu atau etos diri sendiri sebagai prasyarat asas untuk kepimpinan (Burchard 2005; Foucault 1984). Sementara itu, *The Oxford English Dictionary* telah mendefinisikan perkataan Greek etos sebagai "...the characteristic spirit, prevalent tone of sentiment, of a people, or community..." (Bar-Tal 2000: 137; Bragg & Manchester 2011: 10). Selain itu, *The Oxford American Dictionary of Current English* dan *The Concise Oxford English Dictionary* menggambarkan "...ethos as the characteristic

*spirit of a community..."* (Burchard 2005: 355). Semangat ini kemudiannya dijelmakan sebagai sikap dan aspirasi masyarakat (Burchard 2005). Oleh itu, terdapat andaian bahawa sikap atau moral individu dalam sesebuah komuniti adalah menyamai dengan sikap dan moral komunitinya (Burchard 2005).

Antara sosiologi awal yang menggunakan konsep etos ialah Weber (1958) melalui karyanya bertajuk *The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalism* yang diterbitkan pada tahun 1904 (Bar-Tal 2000). Beliau membincangkan kepercayaan agama dari pertapaan Protestantisme, yang pada pandangan beliau membentuk suatu etos (Bar-Tal 2000: 138). Konsep etos yang digunakan oleh Weber ini juga dirujuk sebagai satu semangat, yang menyifatkan dan mencirikan nilai-nilai dan norma-norma masyarakat di dalam sistem ekonomi yang tertentu. Berdasarkan konsep etos yang digunakan oleh Weber, etos tidak sama seperti struktur organisasi. Ia lebih merujuk kepada apa yang orang fikir dan digambarkan atau mempengaruhi bagaimana mereka berkelakuan dalam sistem bermasyarakat (Bar-Tal 2000: 138). Konsep yang dikembangkan oleh Weber ini telah digunakan dan dikembangkan oleh sarjana-sarjana sains sosial terkemudian dalam membincangkan perbezaan ciri-ciri sesebuah masyarakat. Antaranya, sarjana antropologi terkemuka Geertz (1973: 127) telah mengemukakan konsep etos sebagai:

*"... the tone, character, and quality of their (people's) life, its moral and aesthetic style and mood; it is the underlying attitude toward themselves and their world that life reflects. Their world view [in my terms, myth] is their picture of the way things in sheer actuality are, their concept of nature, of self, of society. It contains their most comprehensive ideas of order: . . .the ethos is made intellectually reasonable by being shown to represent a way of life implied by the actual state of affairs which the world view describes, and the world view is made emotionally acceptable by being presented as an image of an actual state of affairs of which a way of life is an authentic expression..."*

Apa yang dapat dilihat, tahun demi tahun, istilah etos telah digunakan oleh sarjana sains sosial dan sejarawan untuk membincangkan tentang moral, agama, politik, ideologi dan ciri-ciri, sikap dan karakter sesebuah kumpulan masyarakat (Bar-Tal 2000). Secara yang lebih spesifiknya, penggunaan etos adalah untuk menjelaskan ciri-ciri unik sesebuah masyarakat yang berbeza antara sebuah masyarakat dengan sebuah masyarakat yang lain. Hal ini kerana setiap masyarakat tidak mempunyai etos yang sama, malah tidak ada dua masyarakat yang mempunyai etos nasional yang sama (Bar-Tal 2000). Konsep etos juga menyediakan fungsi penting dalam menerangkan keseluruhan kepercayaan masyarakat

tertentu yang membezakan sebuah masyarakat dengan sebuah masyarakat yang lain (Bar-Tal 2000). Dari konsep umum etos inilah yang akhirnya membawa kepada lahirnya konsep etos nasional.

Antara sarjana yang mempopularkan konsep etos nasional ialah Bar-Tal (2000), Majid Al-Haj (2005), Amitai Etzioni (2009) dan Neta Oren (2009). Etos nasional secara eksklusifnya boleh digambarkan sebagai satu bentuk kepercayaan masyarakat yang dianggap bertahan lama, dikongsi bersama oleh sebahagian besar anggota masyarakat dan lebih memberi tumpuan terhadap persoalan masa hadapan (Bar-Tal 2000). Dalam pada itu, bagi Majid Al-Haj (2005), etos nasional boleh dianggap sebagai bahagian utama hak kolektif budaya, dan setiap kumpulan mempunyai autonomi tersendiri dalam memutuskan apakah bentuk atau jenis etos nasional yang diperlukan oleh mereka bagi mengekalkan ingatan kolektif dan membangunkan identiti mereka. Sementara itu, Etzioni (2009) menjelaskan bahawa istilah etos nasional merujuk kepada nilai-nilai khas, tradisi, identiti dan wawasan masa depan (atau takdir) sesebuah bangsa. Etos bangsa terbentuk apabila masyarakat terikat antara satu sama lain dan berkongsi nilai yang sama (Etzioni 2009, 2011). Oren (2009) kemudiaannya mengembangkan konsep etos nasional dengan melihat kepercayaan masyarakat dalam tiga elemen utama iaitu kepercayaan, sikap dan nilai-nilai tertentu. Bagi Swenson (2008) pula, etos nasional merupakan ciri budaya suci sebuah masyarakat yang melibatkan unsur-unsur seperti nilai-nilai, norma, adat istiadat, undang-undang dan pantang larang. Dari itu, etos nasional akan mempengaruhi tindakan, sikap dan tingkah laku ahli-ahli masyarakat (Bar-Tal 2000; Swenson 2008).

Etos nasional boleh menjadi suatu unsur yang ideal, membentuk nilai-nilai, prinsip dan norma-norma yang memberi panduan normatif kepada sesebuah masyarakat (Schwaninger 2006). Ikatan etos nasional yang kuat menjadi asas utama dalam masyarakat yang bersifat multietnik, multibudaya dan multiagama (Ezhar et al. 2005). Hal ini kerana etos nasional yang kuat boleh menjadi faktor yang menyatukan masyarakat (Ezhar et al. 2005). Sehubungan dengan itu, Mahathir Mohamad melihat bahawa bangsa Malaysia boleh dibentuk melalui pemupukan etos nasional. Etos nasional Malaysia pula perlu mengambil kira bentuk hubungan etnik yang terjalin dalam masyarakat multietnik selama ini. Bentuk hubungan inilah yang menjadi penentu kepada proses pembinaan negara-bangsa (Mansor et al. 2006). Dalam konteks Malaysia, Mahathir

Mohamad (1992) telah mengemukakan etos nasional sebagaimana berikut...

*Building a nation out of diverse people with differing historical, ethnic, linguistic, religious, cultural and geographical backgrounds is something more than just fostering consensus on the basic character of a state or nation. It involves the fostering of (1) shared historical experiences, (2) shared values, (3) a feeling of common identity, (4) shared destiny that transcends ethnic bounds without undermining ethnic identity, (5) loyalty, (6) commitment, and (7) an emotional attachment to the nation, and the flowering of distinctly national ethos (Mahathir 1992).*

Dengan merujuk kepada konsep etos nasional sepertimana yang dikemukakan oleh beberapa sarjana di atas, sebanyak empat dimensi utama telah dibina bagi mengukur tingkat keamatan etos nasional belia Malaysia masa kini. Antara dimensi yang telah dibina ialah dimensi; (1) nilai; (2) perasaan dan semangat; (3) kepercayaan; dan (4) identiti. Bagi setiap dimensi utama ini pula telah dipecahkan kepada beberapa sub-dimensi dengan ciri-ciri khusus yang bertujuan mendapatkan data menyeluruh dan komprehensif.

Berdasarkan kepada kupasan konsep berikut, etos nasional boleh dikatakan menjadi pusat kepada agenda pembinaan negara-bangsa khususnya dalam konteks untuk mencapai matlamat perpaduan negara dan integrasi nasional. Sehubungan dengan itu, secara spesifiknya, artikel ini mendefinisikan etos nasional sebagai “ciri-ciri unik masyarakat setempat yang mengikat seseorang individu dengan individu yang lain, dan yang mengikat individu dengan negara” (Mohd Mahadee 2015). Ciri-ciri unik tersebut merangkumi empat dimensi utama iaitu nilai, perasaan dan semangat, kepercayaan dan identiti (Mohd Mahadee 2015).

## METODOLOGI KAJIAN

Metodologi yang diaplikasi dalam kajian ini berbentuk kuantitatif melalui pendekatan teknik tinjauan borang soal selidik dengan tujuan bagi mendapatkan saiz sampel yang lebih besar dan data deskriptif yang bersifat numerikal. Melalui data numerikal tersebut, penjelasan terhadap sesuatu pola atau tahap dapat digambarkan dengan lebih tepat dan lebih mudah untuk membuat generalisasi umum. Teknik tinjauan juga didapati lebih efektif bagi mendapatkan sampel besar (Hair et al. 2010), dan lebih cepat, murah serta cekap (McCelland 1994; Churchill 1995; Sekaran 2000; Zikmund 2003).

Untuk itu, kajian ini mengambil sampel golongan belia dari Universiti Putra Malaysia (UPM) yang telah dikategorikan kepada dua kelompok iaitu bekas pelatih PLKN (alumni) dan bukan pelatih PLKN serta melibatkan belia Melayu dan Cina sahaja. Jumlah keseluruhan responden yang terlibat ialah seramai 431 orang iaitu 207 orang belia yang telah mengikuti PLKN dan seramai 224 orang belia tidak pernah mengikuti PLKN. Berdasarkan komposisi etnik, seramai 241 orang adalah belia Melayu dan 190 orang belia Cina, di mana seramai 115 orang belia Melayu yang telah mengikuti PLKN dan seramai 126 orang tidak mengikuti PLKN. Selain itu, seramai 92 orang belia Cina yang telah mengikuti PLKN dan 98 orang tidak pernah mengikuti PLKN.

Dari segi teknik analisis data yang digunakan ialah berbentuk pendekatan statistik deskriptif yang dilihat amat sesuai bagi membincangkan data berkaitan dengan tingkat keamatan etos nasional belia. Melalui analisis deskriptif tersebut, pengkaji dapat membandingkan dan membezakan tingkat keamatan etos nasional belia sama ada yang telah mengikuti PLKN atau tidak, dan dapat melihat perbezaan di antara tingkat keamatan etos nasional responden Melayu dan Cina.

## HASIL KAJIAN

Berdasarkan kepada Jadual 1, secara keseluruhannya pola menunjukkan tingkat keamatan etos nasional kumpulan responden yang dikaji adalah tinggi bagi kesemua dimensi yang diukur. Walaupun terdapat dua dimensi yang masih lagi berada pada tingkat keamatan yang sederhana iaitu nilai toleransi serta kepercayaan terhadap kerajaan dan kepimpinan negara, di samping satu dimensi berada pada tingkat keamatan yang rendah iaitu bagi dimensi semangat kewarganegaraan Malaysia, tetapi ia tidak menjelaskan tingkat keamatan etos nasional secara keseluruhannya. Perkembangan ini menunjukkan etos nasional telah terbina dalam diri kumpulan belia yang dikaji dengan terpupuknya nilai, perasaan dan semangat, kepercayaan serta identiti yang dikongsi bersama. Perkembangan ini juga menjelaskan wujud integrasi yang erat dalam kalangan belia terpelajar.

Analisis terperinci menunjukkan tingkat keamatan etos nasional bagi responden yang telah menyertai PLKN sama ada kumpulan etnik Melayu mahupun Cina secara puratanya tinggi bagi sebahagian besar dimensi yang diukur iaitu melebihi 80%, kecuali bagi dimensi kepercayaan

terhadap kerajaan dan kepimpinan negara pada tingkat keamatan sekitar 45% hingga 60%, serta dimensi semangat kewarganegaraan Malaysia pada tingkat keamatan yang rendah di antara 15% hingga 40%. Dalam pada itu, terdapat juga beberapa dimensi lain yang diukur bagi kumpulan etnik Cina menunjukkan tingkat keamatan sekitar 70% hingga 79% iaitu bagi dimensi semangat patriotisme dan nasionalisme, kepercayaan terhadap Perlembagaan dan undang-undang negara serta kepercayaan terhadap dasar-dasar negara. Selain itu, terdapat juga beberapa dimensi yang menunjukkan tingkat

keamatan yang sederhana sekitar 50% hingga 69% untuk kumpulan etnik Cina iaitu bagi dimensi nilai toleransi dan kepercayaan kongsi masa depan. Data juga menunjukkan dimensi identiti bahasa Malaysia dan beli barang Malaysia bagi kumpulan etnik Cina berada pada tingkat keamatan yang rendah iaitu bawah 50%. Secara relatifnya, bagi kumpulan responden yang telah menyertai PLKN ini, tingkat keamatan etos nasional kumpulan etnik Melayu adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan kumpulan etnik Cina.

JADUAL 1. Tingkat keamatan etos nasional responden (pada tingkat tinggi)

| Dimensi                        | PLKN       |          | X-PLKN     |          |
|--------------------------------|------------|----------|------------|----------|
|                                | Melayu (%) | Cina (%) | Melayu (%) | Cina (%) |
| <b>Nilai</b>                   | 90.8       | 84.6     | 88.2       | 87.5     |
| Kerjasama                      | 95.7       | 90.2     | 95.2       | 89.8     |
| Hormat                         | 97.4       | 95.7     | 95.2       | 95.9     |
| Toleransi                      | 80.9       | 60.9     | 75.4       | 66.3     |
| Disiplin Diri                  | 86.1       | 85.9     | 89.7       | 91.8     |
| Demokrasi                      | 93.9       | 90.2     | 85.7       | 93.9     |
| <b>Perasaan dan Semangat</b>   | 77.4       | 56.5     | 75.7       | 56.8     |
| Perasaan Kekitaan Bersama      | 98.3       | 82.6     | 97.6       | 85.7     |
| Patriotisme dan Nasionalisme   | 93         | 71.7     | 93.7       | 63.3     |
| Kewarganegaraan Malaysia       | 40.9       | 15.2     | 35.7       | 21.4     |
| <b>Kepercayaan</b>             | 83.0       | 72.4     | 80.8       | 68.1     |
| Kongsi Sejarah                 | 94.8       | 97.8     | 93.7       | 94.9     |
| Kongsi Masa Depan              | 84.3       | 64.1     | 88.1       | 67.3     |
| Perlembagaan dan Undang-undang | 88.7       | 79.3     | 86.5       | 72.4     |
| Dasar-dasar Negara             | 87         | 71.7     | 82.5       | 70.4     |
| Kerajaan dan Kepimpinan Negara | 60         | 48.9     | 53.2       | 35.7     |
| <b>Identiti</b>                | 91.1       | 59.0     | 87.0       | 57.0     |
| Bangsa Malaysia                | 98.3       | 96.7     | 96.8       | 94.9     |
| Bahasa Malaysia                | 86.1       | 15.2     | 84.1       | 8.2      |
| Simbol Negara                  | 97.4       | 82.6     | 96         | 83.7     |
| Beli Barang Malaysia           | 82.6       | 41.3     | 69.8       | 40.8     |
| <b>Jumlah Keseluruhan</b>      | 85.6       | 68.1     | 83.0       | 67.4     |

Analisis terhadap para responden yang tidak menyertai PLKN turut memaparkan tingkat keamatan etos nasional yang tinggi pada sebahagian besar dimensi yang diukur sama ada bagi kumpulan etnik Melayu mahupun Cina iaitu melebihi 80%. Namun begitu, terdapat beberapa dimensi yang diukur berada pada tingkat keamatan sekitar 70% hingga 79% iaitu nilai toleransi bagi kumpulan etnik Melayu dan kepercayaan terhadap Perlembagaan dan undang-undang negara serta kepercayaan terhadap dasar-dasar negara bagi kumpulan etnik Cina. Data juga menunjukkan terdapat beberapa

dimensi yang berada pada tingkat keamatan yang sederhana sekitar 50% hingga 69% iaitu dimensi nilai toleransi, semangat patriotisme dan nasionalisme, serta dimensi kongsi masa depan bagi kumpulan etnik Cina. Selain itu, terdapat dimensi yang menunjukkan tingkat keamatan responden berada di bawah 50% bagi kumpulan etnik Cina iaitu dimensi kepercayaan terhadap kerajaan dan kepimpinan negara, identiti bahasa Malaysia dan beli barang Malaysia. Berdasarkan kepada data yang ditunjukkan ini, secara relatifnya tingkat keamatan etos nasional kumpulan etnik Melayu

yang tidak menyertai PLKN adalah lebih tinggi berbanding dengan kumpulan etnik Cina yang tidak menyertai PLKN.

Secara perbandingan di antara kumpulan responden yang telah menyertai PLKN dengan kumpulan responden yang tidak menyertai PLKN, keseluruhan data tidak menunjukkan perbezaan yang ketara bagi kedua-dua kumpulan etnik Melayu dan Cina yang dikaji. Akan tetapi terdapat beberapa dimensi yang menunjukkan tingkat keamatan etos nasional responden yang telah menyertai PLKN adalah sedikit lebih tinggi berbanding dengan tingkat keamatan etos nasional responden yang tidak menyertai PLKN bagi kedua-dua kumpulan etnik yang diukur iaitu bagi dimensi nilai kerjasama, semangat kewarganegaraan Malaysia, kepercayaan kongsi sejarah, kepercayaan terhadap Perlembagaan dan undang-undang negara, kepercayaan terhadap dasar-dasar negara, kepercayaan terhadap kerajaan dan kepimpinan negara, identiti bangsa Malaysia, identiti bahasa Malaysia dan beli barang Malaysia. Sementara itu, terdapat juga dua dimensi yang menunjukkan tingkat keamatan etos nasional responden yang tidak menyertai PLKN adalah sedikit lebih tinggi berbanding dengan tingkat keamatan responden yang telah menyertai PLKN bagi kedua-dua kumpulan etnik yang dikaji iaitu bagi dimensi nilai disiplin diri dan kepercayaan kongsi masa depan. Di samping itu, terdapat sesetengah dimensi yang menunjukkan wujudnya pola yang tidak sekata di antara kumpulan responden yang telah menyertai PLKN dengan kumpulan responden yang tidak menyertai PLKN dan di antara kumpulan responden etnik Melayu dengan kumpulan responden etnik Cina. Dari itu dapat dirumuskan bahawa penglibatan dalam PLKN tidak banyak mempengaruhi peningkatan tingkat keamatan etos nasional kumpulan belia yang dikaji, tetapi membawa implikasi yang cukup signifikan dalam memupuk dan mempromosi integrasi nasional dan wadah penting ke arah pembinaan negara-bangsa Malaysia.

#### ETOS NASIONAL SEBAGAI WADAH PEMBINAAN NEGARA-BANGSA

Malaysia adalah sebuah negara yang bersifat multietnik. Kepelbagaian yang wujud di negara ini bukan sahaja menjadi satu kelebihan bagi ahli-ahli masyarakat untuk kenal mengenali antara satu sama lain tetapi boleh menjadi suatu ancaman kepada kestabilan negara seandainya tidak diurus dengan

bijaksana. Senario sedemikian menjadikan agenda untuk membina, mewujudkan dan mengekalkan keamanan serta keharmonian dalam masyarakat multietnik Malaysia sebagai agenda utama politik sejak negara mencapai kemerdekaan sehingga kini. Apa yang lebih penting ialah mencapai perpaduan dan integrasi dalam masyarakat. Agenda mencapai perpaduan dan integrasi tersebut telah diterapkan melalui falsafah ‘perpaduan dalam kepelbagaian’ dengan penekanan kepada konsep ‘penerimaan’ dan ‘pengiktirafan’ tentang wujudnya kepelbagaian dan perbezaan antara kumpulan etnik. Agenda tersebut juga telah dijadikan elemen teras dalam semua pelan pembangunan negara yang menjadi asas dan panduan pemerintahan di negara ini. Di samping itu, pelbagai bentuk pendekatan telah diambil untuk mewujudkan satu ‘Bangsa Malaysia’ yang bersatu padu sepertimana yang ditekankan dalam prinsip Rukun Negara, pengenalan Wawasan 2020, pendekatan ‘1Malaysia’ dan yang terkini menerusi Wawasan Kemakmuran Bersama.

Selain itu, pendekatan yang diambil bukan hanya tertumpu dalam aspek pembangunan politik dan ekonomi semata-mata tetapi melibatkan segenap spektrum kehidupan sosial masyarakat. Pendekatan tersebut juga tidak hanya difokuskan pada kumpulan-kumpulan tertentu sahaja tetapi merangkumi semua peringkat umur merentasi pelbagai generasi dan lapisan masyarakat. Apa yang jelas, teras utama kepada usaha membina ‘Bangsa Malaysia’ dan negara-bangsa Malaysia ialah melalui sistem pendidikan negara yang dirangka khusus berdasarkan acuan dan kepentingan kebangsaan (Mohd Mahadee et al. 2020). Selain bermatlamatkan untuk membangunkan potensi individu dan menyediakan keperluan sumber manusia, sistem pendidikan negara turut memberikan fokus yang jelas untuk mewujudkan integrasi, menjana perpaduan dan memupuk semangat kebangsaan. Generasi belia pada hari ini adalah produk yang lahir dari sistem pendidikan tersebut. Jadi, kejayaan dan kegagalan sistem pendidikan negara dapat dilihat melalui produk-produk ini. Dalam pada itu, pihak kerajaan turut melaksanakan pelbagai lagi pendekatan-pendekatan lain seperti pengenalan sekolah wawasan, sekolah integrasi, BTN, pelaksanaan program Rakan Muda, IM4U dan PLKN. PLKN adalah satu bentuk inisiatif komprehensif untuk membina ‘Bangsa Malaysia’ yang bersatu padu di samping matlamat-matlamat khusus yang lain. Pelaksanaan PLKN walaupun masih lagi terbatas kepada kumpulan-kumpulan tertentu dan tidak melibatkan semua kumpulan belia, tetapi inisiatif tersebut

dilihat cukup efektif dalam pemupukan nilai-nilai kenegaraan dan integrasi nasional (Abdul Rahman et al. 2004; Mohd Ainuddin et al. 2006). Seandainya PLKN dapat diperluaskan dan diwajibkan kepada semua kumpulan belia di Malaysia, sudah pasti ia akan membawa manfaat yang lebih besar dan memudahkan pencapaian hasrat pembinaan sebuah ‘Bangsa Malaysia’. Namun begitu, pada hari ini pelaksanaan PLKN telah ditangguhkan kepada suatu tempoh masa yang belum dapat dipastikan. Penangguhan tersebut membawa implikasi wadah pembinaan negara-bangsa dalam kalangan belia turut tertangguh seketika khususnya menerusi dimensi khidmat negara.

Dengan pelbagai usaha dan pendekatan yang telah dilaksanakan, pada hari ini ‘Bangsa Malaysia’ yang diidam-idamkan sebenarnya sudah terbina. Muncul suatu generasi baru yang berkongsi pengalaman hidup bersama dalam pelbagai aspek kehidupan di mana mereka menganggap diri mereka sebagai ‘anak Malaysia’ dan menerima gagasan ‘Bangsa Malaysia’ dengan baik (Abdul Rahman 2006). Bangsa Malaysia yang diterima ini lebih berbentuk negara-bangsa payung anak watan di mana masyarakat watan setempat yang bersifat multietnik menjadi pengikat kepada keseluruhan penduduk. Setiap kumpulan etnik dan kumpulan-kumpulan minoriti yang wujud di Malaysia mempunyai perkaitan signifikan relatif dengan kumpulan majoriti melalui orientasi integrasi merentasi kumpulan etnik (Mansor & Shamsul Amri 2005). Pendekatan negara-bangsa payung anak watan mudah diterima masyarakat terbanyak memandangkan setiap kumpulan etnik diberikan hak dan kebebasan untuk mempertahankan, mengekalkan dan mempraktikkan sosio-budaya dan cara hidup tersendiri serta dapat memartabatkan identiti etnik kumpulan masing-masing. Pada masa yang sama, setiap kumpulan etnik terikat dengan masyarakat watan setempat berteraskan platform kebangsaan. Sifat keterbukaan melalui penekanan konsep ‘penerimaan’ dan ‘pengiktirafan’ di bawah negara-bangsa payung anak watan ini mewujudkan integrasi yang lebih luas dalam masyarakat multietnik Malaysia. Mereka terintegrasi melalui pelbagai struktur yang wujud dalam masyarakat seperti struktur sosio-budaya, ekonomi dan politik. Sepertimana dapatan Nazri dan Azizi (2017), generasi belia tanpa mengira latar belakang etnik telah menerima dengan baik terhadap kedudukan dan keistimewaan institusi Raja-Raja Melayu yang perlu dikekalkan dalam sistem politik dan urusan

sosial negara. Perkembangan ini telah melahirkan beberapa elemen teras dalam masyarakat yang dikongsi secara bersama. Elemen teras tersebut telah membentuk suatu etos nasional sama ada secara sedar ataupun tidak. Dengan terbinanya etos nasional, maka tidak hairanlah keharmonian yang lebih menyeluruh dapat dinikmati oleh masyarakat multietnik Malaysia hari ini.

Oleh yang demikian, kajian ini mendapat negara-bangsa Malaysia berteraskan kepada negara-bangsa payung anak watan telah terbina dalam kalangan generasi muda terpelajar ini. Ini terbukti dengan terbinanya etos nasional yang boleh dikatakan kuat dalam diri mereka. Kajian ini mendapat empat dimensi utama iaitu nilai, perasaan dan semangat, kepercayaan serta identiti telah membentuk suatu ikatan yang kuat antara individu dengan individu yang lain, dan di antara individu dengan negara. Ikatan ini berbentuk sentimen kebangsaan yang berpaksikan kepada platform negara. Dengan terbinanya etos nasional yang kuat ini maka akan lahirlah sebuah negara-bangsa Malaysia sepertimana yang ditegaskan oleh Mahathir (1992). Namun begitu, masih terdapat beberapa perkara lain yang perlu diambil kira dalam menentukan pembentukan sebuah negara-bangsa Malaysia yang lebih ideal. Antara aspek yang seringkali mendapat tumpuan ialah hubungan antara etnik. Ini kerana dalam hubungan tersebut wujud sikap negatif suatu kumpulan etnik terhadap etnik lain seperti prejudis, stereotaip dan diskriminasi (Yong & Ku Hasnita 2019). Begitu juga dalam dimensi toleransi beragama yang dilihat menjadi duri dalam daging hubungan etnik di mana melibatkan aspek pantang larang, adat resam dan budaya etnik yang berbeza-beza antara suatu penganut agama dengan penganut agama yang lain perlu diberikan perhatian khusus bagi mengelakkan konflik antara mereka (Fazilah et al. 2019).

Proses pembinaan negara-bangsa merupakan suatu proses yang tidak mudah sepertimana yang diperkatakan. Ia adalah suatu proses yang cukup sukar, mencabar dan kompleks. Proses itu akan berlaku secara berterusan dan tidak akan terhenti mahupun menemui noktahnya walaupun negara-bangsa itu dikatakan sudah terbina. Proses tersebut bertitik tolak dengan proses pembinaan bangsa. Sekiranya bangsa itu tidak terbina, maka sudah pasti negara-bangsa juga tidak akan terbina. Tetapi, perlu ditegaskan di sini bahawa pembinaan bangsa boleh berlaku serentak dengan pembinaan negara-bangsa. Ini bermakna, seandainya bangsa Malaysia

itu sudah lahir, maka secara langsung mahupun tidak langsung negara-bangsa payung anak watan Malaysia juga sudah terbina. Asasnya pembinaan bangsa melibatkan dua elemen utama yang merangkumi tindakan mewujudkan keseragaman dan pembentukan identiti berteraskan kepada bangsa baru yang hendak dibina tersebut (Penrose 2009). Keseragaman yang dimaksudkan di sini lebih berbentuk nilai-nilai kebangsaan dan identiti pula lebih kepada identiti sosial yang tertanam dalam jiwa seluruh masyarakat berdasarkan kepada platform nasional. Pembinaan etos nasional adalah suatu mekanisme yang dilihat mampu mewujudkan keseragaman dalam masyarakat dan melahirkan suatu identiti baru yang bersifat ‘supra-etnik’ berlandaskan nasionalisme Malaysia dengan acuan negara-bangsa payung anak watan. Sepertimana yang telah dinyatakan oleh Oren dan Bar-Tal (2006), proses pembentukan identiti kebangsaan adalah dipengaruhi oleh etos yang dikongsi bersama. Sekiranya etos nasional telah terbina, secara langsung mahupun tidak langsung akan dapat mengurangkan masalah yang berkaitan dengan hubungan antara kumpulan etnik. Identifikasi yang kuat terhadap etos nasional amat penting sebagai satu strategi dalam mencapai perpaduan di kalangan masyarakat pelbagai etnik khususnya di Malaysia (Ezhar et al. 2005). Ia juga menjadi landasan yang kukuh dalam terus memupuk dan mempromosi integrasi nasional yang wujud selama ini.

## KESIMPULAN

Dalam usaha membina sebuah negara-bangsa acuan Malaysia atau negara-bangsa payung anak watan Malaysia yang lebih kukuh, satu pendekatan yang holistik perlu diwujudkan. Pendekatan tersebut perlu mengambil kira pelbagai faktor yang wujud dalam masyarakat multietnik yang rencam sifatnya. Antara salah satu mekanisme yang efektif ialah dengan membina sebuah etos nasional yang kukuh merentasi pelbagai kumpulan etnik dan lapisan masyarakat yang berlandaskan kepada integrasi nasional. Kepentingan etos nasional bukan sahaja dapat melahirkan suatu semangat kebersamaan yang kuat malah dapat memperkuatkannya jati diri kebangsaan. Etos nasional boleh menjadi satu eleman yang mengikat ahli-ahli masyarakat setempat dengan cukup kuat iaitu mengikat seseorang individu dengan individu yang lain dan mengikat individu dengan negara. Ikatan tersebut terbentuk dari segi ikatan nilai yang dipegang

secara bersama, perasaan dan semangat kebangsaan yang kuat, mempunyai kepercayaan yang tinggi terhadap negara dan penghayatan terhadap identiti nasional. Etos nasional bukanlah suatu elemen yang bersifat statik tetapi lebih dinamik, unik dan boleh berubah mengikut peredaran masa serta berkembang berdasarkan perubahan yang berlaku dalam masyarakat. Oleh itu, etos nasional perlu sentiasa dipupuk, dibaja serta disiram agar terus sentiasa subur dan segar dalam jati diri seluruh anggota masyarakat.

## PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada geran penyelidikan GUP-2019-057 yang bertajuk “Pembangunan Model Potensi, Jati Diri dan Kawalan Sosial Keluarga: Kajian Komuniti Bekas Pesalah Muda”, Universiti Kebangsaan Malaysia di atas sumbangan kepada penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Embong. 2006. *Negara-bangsa: Proses dan Perbahsasan*. Edisi Kedua. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rashid Moten dan Syed Serajul Islam. 2006. *Introduction to Political Science*. 2<sup>nd</sup> edition. Singapore: Thomson Learning.
- Adey, P. 2012. How to engage? Assemblage as ethos/ethos as assemblage. *Dialogues in Human Geography* 2(2): 198-201.
- Allder, M. 1993. The meaning of ‘school ethos’. *Westminster Studies in Education* 16: 59-69.
- Anderson, B. 1996. *Imagined Communities: Reflection on the Origins and Spread of Nationalism*. London: Verso.
- Bar-Tal, D. 2000. *Shared Beliefs in a Society: Social Psychological Analysis*. Thousand Oaks, CA: Sage Publication.
- Bragg, S. & Manchester, H. 2011. Creativity, school ethos and the creative partnerships programme. Laporan penyelidikan evaluation of the nature and impact of the creative partnerships programme on school ethos. The Open University.
- Burchard, D. J. H. O'S. 2005. Ethos, ethics and endeavors: New horizons in family nursing. *Journal of Family Nursing* 11(4): 354-370.
- Churchill, G. A. 1995. *Marketing Research Methodological Foundation* (6<sup>th</sup> ed.) Orlando, Florida: The Dryden Press.
- Collins, J.T. & Zaharani Ahmad. 1999. The Malay language and ethnic identity in modern Malaysia. *Akademika* 55(Julai): 133-148.
- Donnelly, C. 2000. In pursuit of school ethos. *British Journal of Educational Studies* 48(2): 134–154.
- Eisner, E. 1994. *Editorial in School Climate and Ethos Conference Report*. Dundee: Scottish Consultative Council on The Curriculum.

- Epstein, A. 1978. *Ethos and Identity: Three Studies in Ethnicity*. London: Tavistock Publications.
- Etzioni, A. 2009. Minorities and the national ethos. *Politics* 29(2): 100-110.
- Ezhar Tamam, Wendy Yee, Fazilah Idris, Azimi Hamzah, Zainal Abidin Mohamed, Wong Su Luan dan Mansor Mohd Noor. 2005. The relationship of exposure to news media with attachment to the national ethos. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities* 13(2): 187-198.
- Fazilah Idris, Khadijah Muda & Khairul Anwar Mastor. 2019. Pembentukan model toleransi beragama belia pelbagai etnik di Malaysia. *Akademika* 89(2): 33-42.
- Foucault, M. 1984. What is enlightenment? Terj. Porter, C. Dlm. The Essential Works of Foucault: 1954 - 1984.
- Rabinow, P. (pnyt.). *Ethics: Subjectivity and Truth*. Volume I. New York: New Press.
- Frobish, T. S. 2003. An origin of a theory: A comparison of ethos in the Homeric Iliad with that found in Aristotle's rhetoric. *Rhetoric Review* 22(1): 16-30.
- Geertz, Clifford. 1973. *The Interpretation of Cultures*. New York: Basic Books.
- Giddens, A. 1985. The Nation-state and Violence. *A Contemporary Critique of Historical Materialism*, Vol.2. Cambridge: Polity Press.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. 2010. *Multivariate data analysis* (7<sup>th</sup> ed.). Upper Saddle River, NJ: Pearson Education.
- Heywood, A. 2000. *Key concepts in politics*. New York: Palgrave MacMillan.
- Hippler, J. 2005. Violent Conflict, Conflict Prevention and Nation-building – Terminology and Political Concepts. Dlm. J. Hippler (Eds.). *Nation-building: A Key Concept for Peaceful Conflict Transformation?* London: Pluto Press.
- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. 1970. Determining sample size for research activities. *Educational and Psychology Measurement*. 30(3).
- Linz, J. J. 1993. State Building and Nation-Building. *European Review*, Vol. 1(4). 355-369.
- Lomsky-Feder, E. & Rapoport, T. 2001. Homecoming, immigration and the national ethos: Russian – Jewish homecomers reading Zionism. *Anthropological Quarterly* 74(1): 1-14.
- Mahathir Mohamad. 1991. *Malaysia Melangkah Ke Hadapan*. Kuala Lumpur: Jabatan Percetakan Negara.
- Mahathir Mohamad. 1992. *Towards a United Malaysian Nation*. Speech at the United Malaysian Nation by the year 2020 Dinner, Kuala Lumpur, 31 Januari 1992. Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan.
- Majid Al-Haj. 2005. *National Ethos, Multicultural Education and the New History Textbooks In Israel*. Malden: Blackwell Publishing.
- Mansor Mohd Noor. 2012. *Kerencaman Sosial dan Penipisan Batas Etnik: Kepelbagaian Etnik dan Perkongsian Hidup Bersama di Malaysia*. Siri Syarahan Umum Perdana. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mansor Mohd Noor dan Shamsul Amri Baharuddin. 2005. Transformasi Perhubungan Etnik di Malaysia. Dlm. Mansor Mohd Noor (pnyt.). *Integrasi Etnik di Institut Pengajian Tinggi Awam*. Institut Penyelidikan Tinggi Negara, Universiti Sains Malaysia. Monograf 6. 17-27.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz & Mohamad Ainuddin Iskandar Lee. 2006. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- McClland, S. 1994. Training needs assessment data-gathering methods: Part 4, survey questionnaire. *Journal of European Industrial Training*, 18(5), 22-26.
- McClosky, H. & Brill, A. 1983. *Dimensions of Tolerance: What Americans Believe about Civil Liberties*. New York: Russell Sage Foundations.
- McClosky, H. & Zaller, J. 1984. *The American Ethos: Public Attitudes Toward Capitalism and Democracy*. Cambridge: Harvard University Press.
- McLaughlin, T. 2005. The educative importance of ethos. *British Journal of Educational Studies* 53(3): 306-325.
- Miller, D. 2003. *Political Philosophy: A Very Short Introduction*. New York: Oxford University Press.
- Mohd Ainuddin Iskandar Lee Abdullah, Abdul Rahman Abdul Aziz, Mohd. Sobhi Ishak & Malike Brahim. 2006. Laporan Kajian Nilai-Nilai Kenegaraan dalam kalangan Pelatih-Pelatih Khidmat Negara Siri Empat. Laporan Penyelidikan. Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Mahadee Ismail. 2013. Etos Bangsa dan Pembinaan Negara-Bangsa: Analisis Pelatih Program Latihan Khidmat Negara. Dlm. Pue Giok Hun (Pnyt.). *Menyelusuri Cabaran Kepelbagaian: Pengalaman Malaysia Terkini*. Siri Kertas Kajian Etnik UKM Bil. 30: 105-142.
- Mohd Mahadee Ismail. 2015. Sosialisasi Politik, Etos Nasional dan Negara-Bangsa: Kajian Pendidikan Sivik dan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dalam kalangan Mahasiswa Universiti Putra Malaysia (UPM). *Tesis Dr. Falsafah*, Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Mahadee Ismail, Azlina Abdullah, Nor Azlili Hassan & Mohd Sabri Md Nor. 2020. Perkembangan politik era Malaysia baharu: Pandangan eksklusif belia terpelajar. *Akademika* 90(Isu Khas 1): 161-174.
- Nazri Muslim & Azizi Umar. 2017. Malay Royal institutions according to the Federal Constitution within the context of ethnic relations in Malaysia. *Akademika* 87(1): 35-48.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Shamsul Amri Baharuddin, Mustafa Omar & Mansor Mohd. Noor. 2004. Identiti nasional dan etos bangsa. *Dewan Budaya* 26(8): 9-13.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Shamsul Amri Baharuddin, Mustafa Omar & Mansor Mohd. Noor. 2003. Pengasimilasian identiti nasional dan etos bangsa di kalangan rakyat Malaysia: Satu kajian sosio-budaya. Laporan Penyelidikan. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Oren, N. 2009. *The Israeli Ethos of Conflict 1967-2006*. George Mason University: Institute For Conflict Analysis and Resolution.
- Penrose, J. 2009. Nation. Dlm. Rob Kitchin dan Nigel Thrift (Eds.). *International Encyclopedia of Human Geography*. Vol. 7. Oxford: Elsevier Ltd.
- Rotberg, R. 1966. Africa nationalism: Concept of confusion. *Journal of Modern Africa Studies* 4(1): 33-46.
- Rustam A. Sani. 1975. Melayu raya as a Malay ‘nation of intent’. Dlm. H.M. Dahlan (pnyt.). *The Nascent Society*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Sekaran, U. 2000. *Research Methods for Business: A Skill -Building Approach* (3<sup>rd</sup> ed.). New York: John Wiley & Sons, Inc.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1966. Nation-of-Intent in Malaysia. Dlm. Stein Tonnesson dan Hans Antoev (Eds.). *Asian Forms of the Nation*. London: Curzon Press. 323-347.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2011. *Kesepadan Dalam Kepelbagaian: Perpaduan di Malaysia sebagai work-in-progress*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Schwaninger, M. 2006. *Intelligent Organizations Powerful Models for Systemic Management*. Berlin: Springer.
- Swenson, D. 2008. *Religion and Family Link*. New York: Springer Science & Business Media.
- Vejai Balasubramaniam. 1997. Nasionalisme dalam pembentukan sebuah negara persekutuan: Wacana teoretikal berdasarkan pengalaman Malaysia. *Akademika* 51(Julai): 23 -51
- Yong Hie Hie & Ku Hasnita Ku Samsu. 2019. Sikap negatif guru sebagai penghalang kepada pembentukan perpaduan etnik di sekolah. *Akademika* 89(1): 149-159.
- Zikmund, W. G. 2003. *Business Research Method* (8th ed.). Cincinnati, Ohio: Thomson/South-Western.
- Azlini Abdullah  
Program Antropologi dan Sosiologi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekutaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi Selangor  
Malaysia.  
Email: azlina\_ab@ukm.edu.my
- Zaini Othman  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Malaysia Sabah  
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu,  
Sabah, Malaysia.  
Email: zo@ums.edu.my
- Marzudi Md Yunus  
Jabatan Sosio-Budaya/Kesenian Melayu  
Akademi Pengajian Melayu  
Universiti Malaya (UM)  
50603 Kuala Lumpur  
Malaysia.  
Email: marzudi@um.edu.my

Mohd Mahadee Ismail (corresponding author)  
Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan  
Fakulti Ekologi Manusia  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang Selangor  
Malaysia.  
Email: mahadee@upm.edu.my

Nor Azlili Hassan  
Jabatan Pengajian Umum  
Fakulti Industri Kreatif  
Universiti Tunku Abdul Rahman  
Sungai Long Campus  
Cheras, 43000 Kajang  
Malaysia.  
Email: azlili@utar.edu.my

Hairol Anuar Mak Din  
Pusat Pengajian Teras  
Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)  
Persiaran Putra, Bandar Seri Putra  
43000 Kajang, Selangor  
Malaysia.  
Email: hairolanuar@kuis.edu.my

Accepted: 15 February 2021  
Received: 28 August 2020